



MAHKAMAH PERSEKUTUAN MALAYSIA,  
BANGUNAN SULTAN ABDUL SAMAD,  
JALAN RAJA,  
50506 KUALA LUMPUR

Telefon: 03-2939011  
Teleks: HAKIM MA 33548  
Faks: 03-2932582

*Ruj. Tuan:*

*Ruj. Kami:* (1)JK/MP 16 Jld. (IV)

*Tarikh:* 22 Mei 1999

Pendaftar  
Mahkamah Rayuan Malaysia

Pendaftar  
Mahkamah Tinggi Malaya/Sabah dan Sarawak

Hakim  
Mahkamah Sesyen

Timbalan Pendaftar  
Mahkamah Persekutuan/Rayuan/Tinggi

Penolong Kanan Pendaftar  
Mahkamah Tinggi Malaya

Majistret  
Mahkamah Majistret

Pendaftar  
Mahkamah Sesyen/ Majistret

Y. Bhg. Dato'/Datin/Tuan/Puan

**Pekeliling Ketua Pendaftar Mahkamah Persekutuan Bil. 2/1999 Mengenai  
Afidavit; Kertas dan Percetakan; dan Penggunaan Bahasa Malaysia Di dalam  
Surat Menyurat Ke Mahkamah**

Adalah saya di arah merujuk kepada perkara diatas.

2. Adalah dimaklumkan bahawa masih terdapat dokumen- dokumen mengenai kes-kes yang di failkan di mahkamah yang tidak mematuhi sepenuhnya Aturan-Aturan dan Kaedah-Kaedah mahkamah yang telah di sediakan terutama mengenai Afidavit, Kertas dan Percetakan Dokumen. Mesyuarat Y.A.A. Ketua Hakim Negara Malaysia, Y.A.A. Presiden Mahkamah Rayuan dan Y.A.A. Hakim Besar Malaya pada 19 Mei 1999 telah mengambil maklum dan memandang berat tentang perkara ini dan seterusnya memutuskan mana-mana dokumen yang hendak di failkan di mahkamah hendaklah di tolak di peringkat kaunter pendaftaran sekiranya kaedah-kaedah mengenainya tidak di patuhi dengan tegas sepenuhnya.

- 2 -

3. Afidavit yang di failkan di mahkamah hendaklah mematuhi sepenuhnya Kaedah-Kaedah yang sedia ada iaitu Aturan 41 Kaedah-Kaedah Mahkamah Tinggi 1980 atau Aturan 25 Kaedah-Kaedah Mahkamah Rendah 1980. Antara lain, perhatian Y. Bhg. Dato/ Datin/Tuan/Puan adalah di tarik untuk meneliti menyemak dan memastikan bahawa setiap afidavit yang hendak di failkan di mahkamah mestilah -

- i) dinyatakan mengikut kata diri pertama dan ditandatangani oleh deponen sendiri;
- ii) menyatakan alamat tempat tinggal (place of residence) deponen. (Alamat pejabat atau firma peguam adalah tidak terima);
- iii) menyatakan pekerjaan sebenar deponen;
- iv) menomborkan perenggan secara berturutan;
- v) jurat di tandatangi oleh orang yang di hadapannya afidavit itu diangkat sumpah;
- vi) tarikh, kira-kira dan nombor-nombor lain mestilah dinyatakan dengan menggunakan angka dan bukannya dengan perkataan;
- vii) terdapat pengindorsan yang menunjukkan bagi pihak siapa ia difailkan; dan
- viii) jika terdapat pepadaman atau perubahan ianya hendaklah ditandatangani ringkas oleh orang yang dihadapannya afidavit itu diangkat sumpah.

4. Kualiti dan saiz kertas yang digunakan sebagai dokumen mahkamah dan percetakan tulisannya hendaklah mematuhi sepenuhnya Aturan 63, Kaedah-Kaedah Mahkamah Tinggi 1980 atau Aturan 53, Kaedah-Kaedah Mahkamah Rendah 1980. Antara lain, perhatian Y. Bhg. Dato'/Datin/Tuan/Puan adalah di tarik untuk meneliti, menyemak dan memastikan bahawa setiap dokumen yang di failkan di mahkamah mestilah -

- i) menggunakan kertas yang berkualiti tahan lama;
- ii) berukuran 11.69 inci (297 mm) panjang dan 8.27 inci (210 mm) lebar (bersaiz A4);

- 3 -

- iii) ukuran cetak mestilah tidak kurang daripada taip 11 poin;
- iv) mempunyai birai tidak kurang daripada 1 inci lebar yang di biarkan kosong di kedua-dua belah kertas;
- v) cetakan mestilah jelas untuk dibaca; dan
- vi) bukan merupakan salinan daripada kertas kabon.

(Contoh ukuran kertas, cetak dan birai sila lihat Lampiran)

5. Y. Bhg. Dato'/Datin/Tuan/Puan serta mana-mana pegawai yang dipertanggungjawabkan dengan tugas menerima dan memfailkan mana-mana dokumen hendaklah melaksanakan arahan ini dengan tegas dan menolak mana-mana dokumen yang tidak mematuhi kehendak-kehendak diatas selaras dengan kuasa yang di berikan oleh Aturan 92, Kaedah 3, Kaedah- Kaedah Mahkamah Tinggi 1980 dan Aturan 53, Kaedah 7, Kaedah-Kaedah Mahkamah Rendah 1980.

6. Adalah dimaklumkan juga, keputusan telah dibuat di mana semua surat menyurat kepada mahkamah (kecuali surat daripada negara asing) hendaklah ditulis dalam Bahasa Malaysia. Mana-mana surat yang di tulis dalam Bahasa Inggeris atau lain-lain bahasa selain daripada Bahasa Malaysia hendaklah tidak dilayan dan di kembalikan dengan catatan "**Sila gunakan Bahasa Malaysia Di dalam Surat Menyurat Ke Mahkamah**".

7. Pekeliling ini bukan sahaja untuk tujuan pematuhan Kaedah-Kaedah mahkamah tetapi juga untuk keseragaman amalan dan hendaklah berkuatkuasa serta merta.

Sekian, terima kasih.

**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**

Saya Yang Menurut Perintah

  
**(DATUK RAMLY BIN HAJI ALI)**  
Ketua Pendaftar  
Mahkamah Persekutuan Malaysia  
Kuala Lumpur.

- 4 -

s.k.

Y.A.A. Ketua Hakim Negara  
Mahkamah Persekutuan Malaysia  
Kuala Lumpur.

Y.A.A. Presiden  
Mahkamah Rayuan Malaysia  
Kuala Lumpur.

Y.A.A. Hakim Besar Malaya  
Mahkamah Persekutuan Malaysia  
Kuala Lumpur.

Y.A.A. Hakim Besar Sabah dan Sarawak  
Mahkamah Tinggi  
93506 Kuching  
Sarawak.

Y.A. Hakim/Pesuruhjaya Kehakiman  
Mahkamah Tinggi Malaya.

LAMPIRAN

Contoh Ukuran Kertas, Cetak dan Biru

Pekeliling Ketua Pendaftar Mahkamah Persekutuan  
Bil. 2/1999 Mengenai Afdavit, Kertas dan  
Percetakan; dan Penggunaan Bahasa Malaysia  
Di dalam Surat Menyurat Ke Mahkamah.

( saiz taip 11 poin )

